



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

PEKELILING TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

Bilangan 03 Tahun 2019

PELAKSANAAN *WEEK WITHOUT WALLS* DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU, SEMESTER MAC - JULAI 2019

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan minggu *Week Without Walls* pada semester Mac - Julai
2. 2019 di UiTM Cawangan Terengganu sebagai usaha mempelbagai kaedah dan pelantar penyampaian dan pembelajaran bersesuaian dengan era teknologi pintar dan Revolusi Industri 4.

LATAR BELAKANG

3. Pekeliling ini adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 1 Tahun 2018, bertarikh 4 April 2018 dimana objektif utamanya adalah untuk membudayakan Pendidikan 4.0 serta memperkayakan pengalaman pembelajaran para pelajar melalui kaedah, mod penyampaian dan pentaksiran alternatif.
4. Perubahan pendidikan tinggi yang pantas berikutan perkembangan teknologi, globalisasi dan cetusan Revolusi Industri 4.0 memerlukan Universiti merancang penyampaian dan pengalaman pembelajaran yang lebih responsive dan relevan. Pensyarah dan pelajar perlu memahami konsep konsep pembelajaran berasaskan pendidikan 4.0 dan seterusnya mengamalkan kaedah penyampaian dan pembelajaran yang fleksibel berkesan dan relevan dengan senario semasa.

PELAKSANAAN MINGGU *WEEK WITHOUT WALLS*

5. Definisi :

- (a) Minggu *Week Without Walls* ialah minggu tanpa pengajaran berpusatkan pensyarah.

